

## PERATURAN BIRO KHAIRAT KEMATIAN SURAU NURUL IHSAN (KASIH)

### PERKARA 1 – TAFSIRAN

1.1 Dalam Peraturan ini, istilah-istilah yang digunakan membawa maksud seperti yang dinyatakan di bawah ini: -

**“Peraturan”** - Peraturan Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH)

**“Ahli Kariah”** - Mereka yang mendaftar sebagai Ahli Kariah Surau Nurul Ihsan, selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

**“Ahli Berdaftar”** atau **“Ahli”** - Ketua keluarga atau orang perseorangan sama ada lelaki atau wanita yang beragama Islam yang telah diluluskan permohonannya oleh Ahli Jawatankuasa untuk menjadi ahli Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH).

**“Ahli Biasa”** - Ahli Berdaftar yang membayar Yuran Tahunan.

**“Ahli Seumur Hidup”** - Ahli yang membayar Yuran dalam jumlah yang ditetapkan dalam Peraturan ini.

**“Ahli Terbitan”** - Ahli Biasa atau Ahli Seumur Hidup yang menukar nama ketua keluarga akibat dari sesuatu kematian atau lain-lain sebab.

**“Ahli Jawatankuasa”** - Ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa sebagai Ahli Jawatankuasa Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH) atau Ahli yang dilantik oleh Pengerusi sebagai Ahli Jawatankuasa berlandaskan dari Peraturan ini.

**“Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta253)”** - Akta yang menentukan peruntukan mengenai pendaftaran pengangkatan anak.

**“Pengerusi”** - Anggota Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan yang dipilih dalam Mesyuarat Anggota Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan sebagai Pengerusi Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH).

**“Setiausaha”** - Ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa sebagai Setiausaha Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH).

**“Bendahari”** - Ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa sebagai Bendahari Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH).

**“Pemeriksa Kira-Kira”** - Ahli Kariah yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Surau Nurul Ihsan, juga sebagai Pemeriksa Kira-Kira Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH).

**“KASIH”** - Adalah akronim bagi Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan, yang beroperasi di bawah Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan Seksyen 6, Shah Alam.

**“KAMI”** - Adalah akronim bagi Biro Khairat Kematian Amal Madrasah Ittihaddiniyyah.

**“Mesyuarat Ahli Jawatankuasa”** - Pertemuan formal dalam kalangan Ahli Jawatankuasa KASIH yang dipilih atau dilantik bertujuan untuk membuat sesuatu keputusan terhadap apa-apa juga perkara, menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit, menafsir sebarang peruntukan dalam Peraturan yang kurang jelas, menyemak dan menerima laporan kewangan bagi tempoh tertentu dan sebagainya seperti yang ditentukan dalam agenda mesyuarat.

**“Orang Kurang Upaya (OKU)”** - Mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

**“Pegawai Perubatan”** - Seseorang yang dilantik sebagai pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) serta merupakan ahli Persatuan Perubatan Malaysia (*Malaysian Medical Association*).

**“Tanggungan”** - Mereka yang didaftarkan oleh Ahli sebagai orang-orang di bawah tanggungannya seperti yang disenaraikan di Perkara 5 Peraturan ini, yang layak menikmati perkhidmatan dan faedah dari KASIH.

**“Waris”** - Orang yang berhak menurut syara’ menerima harta warisan peninggalan si mati.

**“Surau Nurul Ihsan”** - Surau Nurul Ihsan Seksyen 6, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

**“Tanah Perkuburan Islam”** - Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 Shah Alam, Jalan Pusara 21/1, Seksyen 21, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

**“Pengurusan Jenazah”** - Mengambil tindakan menurut syara’ ke atas Jenazah dari mulai saat seseorang itu Meninggal Dunia hingga selesai dikebumikan.

**“Jenazah”** - Sama maksudnya dengan mayat yang lazimnya digunakan bagi merujuk kepada mayat seorang muslim sama ada lelaki atau wanita.

**“Memandikan Jenazah”** - Membersihkan tubuh badan serta tempat-tempat tertentu pada Jenazah daripada najis dan kekotoran dengan meratakan air ke seluruh anggota tubuh Jenazah sesuai dengan ketentuan syara’.

**“Mengebumikan Jenazah”** - Proses terakhir dalam Pengurusan Jenazah seorang muslim di mana setelah Jenazah selesai disolatkan ia akan dibawa ke tanah perkuburan lalu diletakkan dalam liang lahad lalu dikambus dengan tanah sesuai dengan ketentuan syara’. Di akhir proses pengebumian Jenazah, Talqin akan dibacakan oleh imam yang hadir.

**“Mengkafankan Jenazah”** - Membalut tubuh Jenazah dengan kain putih bagi menutup seluruh tubuhnya yang lazimnya menggunakan tiga (3) helai kain putih untuk Jenazah lelaki dan lima (5) helai kain putih untuk Jenazah wanita sesuai dengan ketentuan syara’.

**“Meninggal Dunia/Mati”** - Kematian Ahli yang disahkan oleh pihak berwajib.

**“Mensolatkan Jenazah”** - Solat yang dilaksanakan dengan empat (4) kali takbir yang dilakukan terhadap Jenazah seorang muslim yang Meninggal Dunia selepas ianya dimandi dan dikafankan sebelum jazadnya dikebumikan.

**“Sakit Biasa”** - Semua jenis penyakit selain dari sakit kritikal yang ditetapkan dalam Peraturan ini.

**“Sakit Kritikal”** - Mereka yang disahkan oleh Pegawai Perubatan sebagai penghidap salah satu dari penyakit berikut: -

- a) Serangan Jantung (*Heart Attack*).
- b) Strok (*Stroke*)
- c) Kanser (*Cancer*)
- d) Kegagalan Ginjal (*Kidney Failure – Moderate GFR*).
- e) Penyakit Lumpuh (*Paralysis*)
- f) Darah Tinggi (*Hypertension- Stage 2 & above*)
- g) Koma (*Coma*)
- h) Penyakit Alzheimer (*Alzheimer’s Disease*)
- i) HIV/AIDS
- j) Penyakit Parkinson (*Parkinson’s Disease*)
- k) Tumor Otak (*Benign Brain Tumour*)
- l) Diabetik (*Diabetic – Type 2 & above*)

**“Sumbangan”** - Apa-apa juga jenis pemberian dalam bentuk kewangan, hibah, infaq, hadiah, barangan/produk, wakaf, perkhidmatan, idea atau buah fikiran dan sebagainya.

“**Talqin**” - Tindakan mengajarkan kepada seseorang muslim yang sudah Meninggal Dunia dan selesai dikebumikan sebagai suatu usaha memberi bimbingan terhadap suasana yang akan dihadapi oleh mayat berkenaan yang lazimnya dipimpin oleh seorang imam. (*Riwayat At-Tabarani*). Ianya juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada mereka yang hadir semasa pengebumian akan hakikat kematian.

“**Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21**” - Tanah perkuburan yang dimaksudkan dalam Peraturan ini ialah Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 Shah Alam, Jalan Pusara 21/1, Seksyen 21, 40300 Shah Alam, Selangor.

“**Yuran Pendaftaran**” - Jumlah wang yang ditetapkan untuk melayakkan seseorang itu mendaftar sebagai Ahli KASIH.

“**Yuran Tahunan**” - Jumlah wang yang ditetapkan untuk dibayar bagi tempoh masa satu tahun untuk seseorang itu kekal menjadi Ahli KASIH.

“**Borang**” - Borang Pendaftaran Ahli KASIH atau pendaftaran Ahli dalam talian e-Khairiat Surau Nurul Ihsan [www.e-khairat.com/suraunurulhsan/register](http://www.e-khairat.com/suraunurulhsan/register)

## PERKARA 2 – NAMA

- 2.1 Biro ini dinamakan **BIRO KHAIRAT KEMATIAN SURAU NURUL IHSAN SEKSYEN 6 SHAH ALAM** yang beroperasi di bawah **Anggota Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan**, yang selepas ini disebut “**KASIH**”.

## PERKARA 3 – TEMPAT URUSAN

- 3.1 Pejabat dan alamat surat menyurat KASIH adalah seperti berikut: -

**Surau Nurul Ihsan  
Jalan Cenderawasih 6/7  
Seksyen 6  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.**

## PERKARA 4 – TUJUAN PENUBUHAN

- 4.1 Menyempurnakan tuntutan Fardhu Kifayah setempat meliputi semua Ahli Kariah.
- 4.2 Memberikan khidmat Pengurusan Jenazah setelah berlaku kematian terhadap Ahli KASIH termasuk Tanggungan.
- 4.3 KASIH juga bersedia untuk menguruskan Jenazah mereka yang bukan merupakan Ahli KASIH dengan dikenakan bayaran yang telah ditetapkan.

## PERKARA 5 – SYARAT KEAHLIAN

- 5.1 Pendaftaran untuk menjadi Ahli KASIH hendaklah dibuat dengan mengisi Borang di Jadual Pertama atau di pendaftaran Ahli dalam talian e-Khairiat Surau Nurul Ihsan di [www.e-khairat.com/suraunurulhsan/register](http://www.e-khairat.com/suraunurulhsan/register) dan terbuka kepada: -
- a) Ahli Kariah lelaki dan perempuan berumur tidak kurang dari lapan belas (18) tahun.
  - b) Bukan merupakan Ahli Kariah, tetapi tinggal di kawasan Shah Alam.
  - c) Pilihan jenis keahlian samada sebagai Ahli Biasa atau Ahli Seumur Hidup.
  - d) Bagi lelaki dan perempuan berumur tujuh puluh (70) tahun dan ke atas, keahlian mandatori yang ditetapkan ke atas mereka adalah terhad kepada Ahli Seumur Hidup sahaja.

- e) Mana-mana individu sama ada ketua keluarga atau orang perseorangan (lelaki atau wanita) yang beragama Islam yang diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa untuk menjadi Ahli.
- 5.2 Satu keahlian akan mewakili satu (1) rumah kediaman atau satu (1) keluarga di bawah Tanggungannya dan hendaklah didaftarkan dalam Borang Pendaftaran Ahli KASIH atau di pendaftaran Ahli dalam talian e-Khairiat Surau Nurul Ihsan di [www.e-khairat.com/suraunurulihsan/register](http://www.e-khairat.com/suraunurulihsan/register) : -
- a) Ahli;
  - b) Pasangan semasa (suami /isteri/isteri-isteri);
  - c) Tanggungan – Anak-anak (termasuk anak tiri, anak angkat berdaftar, cucu yang kematian ibubapa, adik yang kematian ibubapa) yang belum berkahwin atau tidak bekerja atau:
    - i. Belum mencapai umur 24 tahun
    - ii. Anak OKU yang berdaftar (tiada had umur)
    - iii. Ibubapa dan Mertua atau penjaga **TIDAK LAYAK** menjadi Tanggungan Ahli. Sekiranya mereka ingin mendapat faedah Khairat, mereka perlu mendaftar sebagai Ahli.
- 5.3 Ibu Tunggal adalah layak menjadi Ahli dan perlu menyenaraikan Tanggungannya, jika ada.
- 5.4 Mereka perlu membayar yuran yang telah ditetapkan seperti berikut: -
- a) Yuran Pendaftaran : RM110.00 (sekali bayar)
  - b) Yuran Tahunan Ahli Biasa : RM60.00 setahun
  - c) Yuran Ahli Seumur Hidup : Rm1000 (sekali bayar)
  - d) Ahli Biasa boleh menjadi Ahli Seumur Hidup pada bila-bila masa dengan membayar perbezaan Yuran Ahli Seumur Hidup dengan jumlah Yuran Tahunan yang telah dibayar; atau telah menjadi ahli berbayar selama 15 tahun atau lebih tanpa Yuran Tahunan tertunggak.
  - e) Ahli Terbitan – Menukar nama ketua keluarga dan mengambil alih akaun pasangan yang telah meninggal dunia
- 5.5 Seseorang Ahli layak menerima faedah dari KASIH serta-merta setelah permohonan diluluskan kecuali: -
- a) Kematian disebabkan **Sakit Biasa** selepas **satu (1) bulan** diluluskan menjadi Ahli.
  - b) Kematian disebabkan **Sakit Kritikal** selepas **enam (6) bulan** diluluskan menjadi Ahli.
- 5.6 Ketua keluarga atau orang perseorangan (lelaki atau wanita) yang telah diterima menjadi Ahli KAMI sebelum ini secara automatik merupakan Ahli KASIH yang sah.

## PERKARA 6 – MEREKA YANG TIDAK LAYAK MENJADI AHLI

- 6.1 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa berhak untuk menolak permohonan untuk menjadi Ahli dari seseorang pemohon atas sebab-sebab berikut: -
- a) Pemohon yang tidak menepati salah satu syarat dalam Perkara 5.
  - b) Pemohon tidak memberikan maklumat yang sahih berkenaan dirinya atau Tanggungannya.
  - c) Terdapat percanggahan ikrar dan fakta yang diisi di dalam Borang dengan keadaan sebenar pemohon atau Tanggungannya.
  - d) Seseorang yang telah terbatal keahliannya kerana gagal membayar Yuran Tahunan melebihi dua (2) tahun sama ada secara berturut-turut atau berselang tahun. Pertimbangan sewajarnya akan diberi jika bekas Ahli berkenaan dapat memberikan alasan yang munasabah atas kegagalannya serta bersedia untuk menjelaskan semua tunggakan hutang-hutangnya.
- 6.2 Penerimaan dan penolakan keahlian adalah atas budi bicara Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa KASIH. Dalam hal ini, Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa berhak menolak sesuatu permohonan untuk menjadi Ahli tanpa perlu memberikan alasannya.

## **PERKARA 7 – HAK AHLI.**

7.1 Sebagai Ahli Berdaftar, seseorang itu berhak: -

- a) Menerima pakej perkhidmatan Pengurusan Jenazah secara percuma apabila berlaku kematian atas diri Ahli dan juga Tanggungan yang berdaftar dan layak.
- b) Waris akan menerima wang saguhati terhadap kematian Ahli atau Tanggungan dalam jumlah yang tercatat di **JADUAL KEDUA**.
- c) Menjadi calon dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa KASIH dengan syarat calon adalah Ahli Kariah Surau Nurul Ihsan.
- d) Untuk menyertai sebarang seminar, majlis atau kursus yang dianjurkan oleh KASIH.

## **PERKARA 8 – PEMINDAHAN KEAHLIAN**

8.1 Jika seorang Ahli Meninggal Dunia, keahliannya boleh dipindahkan kepada Pasangannya (suaminya/isterinya). Pasangan ini diistilahkan sebagai **Ahli Terbitan**.

8.2 Jika Ahli berpisah atau bercerai dengan Pasangannya;

- a) Maka secara automatik Pasangannya terbatal dari menjadi Tanggungan Ahli.
- b) Tanggungan-tanggungan lain akan terus menikmati hak-hak mereka mengikut ketentuan yang telah ditetapkan dalam Peraturan ini.

8.3 Jika Ahli Terbitan (wanita) bernikah lagi, maka keahlian Ahli Terbitan (wanita) tersebut secara automatik terbatal.

## **PERKARA 9 – TANGGUNGJAWAB AHLI**

9.1 Semua Ahli bertanggungjawab untuk: -

- a) Mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Peraturan ini serta apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa KASIH terhadap satu-satu perkara dari semasa ke semasa.
- b) Menjelaskan Yuran Tahunan sebelum berakhir bulan Februari setiap tahun (kecuali mereka yang sudah mendaftar sebagai Ahli Seumur Hidup).
- c) Melaporkan kepada Setiausaha sebarang pertukaran alamat, nombor telefon, penambahan atau pengurangan Tanggungan. Kegagalan Ahli melaporkan penambahan Tanggungan akan menyebabkan Tanggungan tersebut tidak akan menikmati faedah yang sewajarnya.
- d) Bagi Ahli Terbitan (wanita), mereka hendaklah melaporkan kepada Setiausaha jika mereka telah bernikah dengan suami baharu.
- e) Memaklumkan kepada Setiausaha jika berlaku kematian dalam kalangan Tanggungannya.

## **PERKARA 10 – PEMBERHENTIAN MENJADI AHLI ATAU DIGUGURKAN DARI MENJADI AHLI**

10.1 Seseorang Ahli dianggap berhenti dari menjadi Ahli jika:

- a) Ahli berkenaan membuat permohonan secara bertulis kepada Setiausaha untuk berhenti dari menjadi Ahli KASIH dan perlu menjelaskan segala hutang kepada KASIH. Ahli berkenaan tidak layak menuntut apa-apa bayaran yuran yang telah dibuat kepada KASIH sebelum ini.
- b) Ahli berkenaan gagal menjelaskan Yuran Tahunan selama dua (2) tahun sama ada berturut-turut atau berselang tahun. Ahli berkenaan tidak layak menuntut apa-apa bayaran yuran yang telah dibuat kepada KASIH sebelum ini. Namun jika seseorang Ahli itu bersetuju untuk menjelaskan semua Yuran Tahunan yang tertunggak, maka keahliannya boleh diterima kembali tertakluk kelulusan oleh Ahli Jawatankuasa.
- c) Sekiranya Ahli berkenaan berpindah keluar dari kawasan Shah Alam. Ahli berkenaan tidak boleh menuntut apa-apa bayaran yang telah dibuat kepada KASIH sebelum ini.

- d) Ahli Terbitan (wanita) yang bernikah dengan suami Baharu maka keahliannya terhenti atau terbatal.
- 10.2 Seseorang Ahli boleh diberhentikan keahliannya oleh Ahli Jawatankuasa jika didapati dengan sengaja ingkar mematuhi mana-mana syarat dalam Peraturan ini. Dalam hal ini, Ahli berkenaan tidak boleh menuntut apa-apa bayaran yang telah dibuat kepada KASIH sebelum ini.

#### **PERKARA 11 – SUMBER KEWANGAN.**

- 11.1 Sumber utama kewangan KASIH adalah daripada: -
  - a) Yuran Pendaftaran keahlian.
  - b) Yuran Tahunan keahlian.
  - c) Yuran keahlian Ahli Seumur Hidup.
- 11.2 Sumbangan yang dibuat melalui Peti Khairat Kematian yang diletakkan di ruang solat Surau Nurul Ihsan.
- 11.3 Penerimaan Sumbangan Khas atau wakaf untuk maksud tertentu dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa.
- 11.4 KASIH boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi yang bersesuaian yang dibenarkan oleh syara' setelah mendapat kelulusan Anggota Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan.
- 11.5 Semua penerimaan wang oleh KASIH sama ada untuk bayaran yuran, sumbangan, kegiatan ekonomi dan sebagainya akan dikeluarkan resit rasmi.

#### **PERKARA 12 – PERKHIDMATAN PENGURUSAN JENAZAH**

- 12.1 Pakej Pengurusan Jenazah secara percuma yang disediakan oleh KASIH kepada Ahli dan Tanggungan, ianya meliputi perkara-perkara berikut: -
  - a) Menasihatkan Waris untuk mendapatkan Daftar Kematian serta Permit Mengubur dari pihak hospital (jika si Mati Meninggal Dunia di hospital) atau dari pihak polis jika si Mati Meninggal Dunia di rumah.
  - b) Menguruskan tanah perkuburan untuk pengebumian di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 sahaja.
  - c) Menguruskan van jenazah dengan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) atau lain-lain badan untuk membawa Jenazah dari Surau Nurul Ihsan ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 sahaja. Menyediakan peralatan untuk memandikan Jenazah di Surau Nurul Ihsan termasuk menyediakan kelengkapan kain kafan.
  - d) Memandi, Mengkafan serta melaksanakan Solat Jenazah.
  - e) Membawa Jenazah ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 untuk dikebumikan dan menguruskan pembacaan Talqin.
  - f) Mengadakan Majlis Tahlil bagi arwah si Mati **di Surau Nurul Ihsan** untuk malam pertama sahaja dengan kos perbelanjaan sebanyak RM500 oleh KASIH.
  - g) Menyumbang wang saguhati kepada Waris mengikut kadar berikut:
    - h) Ahli Berdaftar – RM1000
    - i) Tanggungan kepada Ahli Berdaftar – RM500
- 12.2 Adapun urusan membawa Jenazah dari mana-mana hospital atau dari rumah si Mati ke Surau Nurul Ihsan hendaklah diuruskan sendiri oleh Waris.
- 12.3 Jika Pengurusan Jenazah seseorang Ahli atau Tanggungan dibuat di rumah atau tempat kediaman si Mati, maka ketentuannya adalah seperti berikut:.

### PERKARA 13 – PENGURUSAN JENAZAH YANG DILAKUKAN DI RUMAH ATAU TEMPAT KEDIAMAN AHLI.

- 13.1 Jika Pengurusan Jenazah seseorang Ahli atau Tanggungan dibuat di rumah atau tempat kediaman si Mati, maka ketentuannya adalah seperti berikut: -
- a) Peralatan untuk Memandikan Jenazah perlu diambil sendiri oleh Waris dari Surau Nurul Ihsan dan dikembalikan semula ke surau setelah digunakan dalam keadaan baik dan bersih.
  - b) Set kain kafan akan dibekalkan oleh KASIH secara percuma.
  - c) Urusan Memandi, Mengkafan serta Menyolatkan Jenazah di rumah atau tempat kediaman si Mati akan dibantu oleh KASIH, jika diminta oleh Waris (dengan syarat jarak tidak melebihi 5km daripada Surau Nurul Ihsan).
  - d) Urusan membawa Jenazah dari rumah atau tempat kediaman si Mati ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 akan dikendalikan oleh KASIH.
  - e) Urusan mengkebumikan Jenazah serta Talqin di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 akan dilaksanakan oleh KASIH.
  - f) Mengadakan Majlis Tahlil di Surau Nurul Ihsan bagi arwah si Mati untuk malam pertama sahaja dengan kos perbelanjaan sebanyak **RM500.00** oleh KASIH.

### PERKARA 14 – PENGURUSAN JENAZAH YANG DILAKUKAN OLEH PIHAK HOSPITAL.

- 14.1 Jika Pengurusan Jenazah seseorang Ahli atau Tanggungan dibuat di hospital di mana si Mati Meninggal Dunia, maka ketentuannya adalah seperti berikut: -
- a) Urusan membawa Jenazah dari hospital ke Surau Nurul Ihsan akan diuruskan sendiri oleh Waris.
  - b) Urusan menyolatkan Jenazah di Surau Nurul Ihsan akan diuruskan oleh KASIH.
  - c) Urusan membawa Jenazah dari Surau Nurul Ihsan ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 akan diuruskan oleh KASIH.
  - d) Urusan mengkebumikan Jenazah serta Talqin di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 akan dilaksanakan oleh KASIH.
  - e) Mengadakan Majlis Tahlil di Surau Nurul Ihsan bagi arwah si Mati untuk malam pertama sahaja dengan kos sebanyak **RM500.00** oleh KASIH.

### PERKARA 15 – PENGURUSAN JENAZAH DILAKUKAN TANPA MELIBATKAN KASIH.

- 15.1 Jika Pengurusan Jenazah seseorang Ahli atau Tanggungan dilakukan sendiri oleh Waris tanpa melibatkan KASIH, maka pihak KASIH akan: -
- a) Menyerahkan perbelanjaan Pengurusan Jenazah sebanyak **RM1270.00** kepada Waris.
  - b) Mengadakan Majlis Tahlil di Surau Nurul Ihsan bagi arwah si Mati untuk malam pertama sahaja dengan kos perbelanjaan sebanyak **RM500.00** oleh KASIH.

### PERKARA 16 – PENGURUSAN JENAZAH BAGI BUKAN AHLI KASIH.

- 16.1 Pengurusan Jenazah bagi mereka yang bukan Ahli KASIH, akan dikenakan caj tertentu yang meliputi urusan-urusan berikut: -
- a) Menasihati Waris untuk mendapatkan Daftar Kematian serta Permit Mengubur dari pihak hospital (jika si Mati Meninggal Dunia di hospital) atau dari pihak polis jika si Mati Meninggal Dunia di rumah.
  - b) Membantu menguruskan tanah perkuburan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21.
  - c) Membantu menguruskan van jenazah dengan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk membawa Jenazah ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21.
  - d) Menyediakan peralatan untuk memandikan Jenazah di Surau Nurul Ihsan termasuk kelengkapan kain kafan.
  - e) Memandi, Mengkafan serta Menyolatkan Jenazah.



- f) Membawa Jenazah ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 untuk Mengebumikan Jenazah dan menguruskan pembacaan **Talqin**.
- g) Kos pengurusan perlu dibayar kepada KASIH adalah sebanyak **RM1,500.00** (Pengurusan MBSA untuk Van Jenazah dan Tanah Kubur hendaklah dibayar dahulu oleh waris).

#### **PERKARA 17 – PERKARA-PERKARA YANG TIDAK TERMASUK DALAM PAKEJ PENGURUSAN JENAZAH OLEH KASIH.**

17.1 Perkara-perkara berikut tidak termasuk dalam pakej Pengurusan Jenazah oleh KASIH: -

- a) Jika Waris berhasrat menguburkan Jenazah di tempat selain di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, maka ianya perlu diuruskan sendiri oleh Waris dengan pihak pengurusan tanah perkuburan berkenaan.
- b) Waris hendaklah menguruskan sendiri van jenazah dengan pihak yang berkenaan untuk membawa Jenazah dari Surau Nurul Ihsan ke tanah perkuburan pilihan mereka. Biaya menggunakan van jenazah tersebut hendaklah ditanggung sendiri oleh Waris.

#### **PERKARA 18 – AHLI JAWATANKUASA BIRO KHAIRAT KEMATIAN DAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

18.1 KASIH akan ditadbir oleh Ahli Jawatankuasa yang dipilih dalam Mesyuarat Jawatankuasa KASIH yang terdiri daripada: -

Seorang Pengerusi. Pengerusi KASIH yang telah dilantik oleh Anggota Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan hendaklah menjadi Pengerusi dalam semua Mesyuarat Ahli Jawatankuasa KASIH serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan KASIH selaras dengan tujuan penubuhannya. Beliau mempunyai kuasa budibicara dan kuasa pemutus dalam perkara-perkara tertentu dan juga mewakili KASIH dalam sebarang urusan dengan pihak luar.

- a) Pengerusi KASIH juga hendaklah hadir dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan dan setiap kali diadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Surau untuk melaporkan aktiviti dan kewangan semasa KASIH.
- b) Seorang Timbalan Pengerusi. Timbalan Pengerusi yang telah dilantik akan membantu dan memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.
- c) Seorang Setiausaha. Setiausaha hendaklah mengurus dan mentadbir KASIH mengikut Peraturan ini serta melaksanakan semua keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen milik KASIH.
- d) Setiausaha juga hendaklah menyelenggara dan mengemaskinikan buku daftar Ahli yang mengandungi maklumat Ahli seperti nama Ahli, senarai Tanggungan Ahli dan alamat rumah tiap-tiap Ahli. Setiausaha juga hendaklah hadir dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa dan setiap kali diadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa bagi membuat catatan mesyuarat serta menyediakan minit mesyuarat. Setiausaha juga hendaklah menghebahkan berita tentang kematian Ahli disamping memastikan semua proses Pengurusan Jenazah dilaksanakan selaras dengan Peraturan ini.
- e) Seorang Penolong Setiausaha. Penolong Setiausaha yang telah dilantik akan membantu dan memangku jawatan Setiausaha semasa ketiadaannya.
- f) Seorang Bendahari. Bendahari bertanggungjawab terhadap semua hal ehwal kewangan KASIH. Beliau juga bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata kewangan KASIH yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan KASIH. Bendahari dikehendaki melaporkan Laporan Kewangan Semasa di dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa KASIH. Bendahari juga dikehendaki menyediakan Laporan Kewangan Tahunan KASIH kepada Juruaudit untuk diaudit sebelum dihantar kepada Bendahari Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan. Beliau juga dikehendaki menguruskan kutipan Yuran Tahunan dari Ahli-Ahli serta mengeluarkan resit rasmi KASIH terhadap semua penerimaan wang.
- g) Seorang Penolong Bendahari. Penolong Bendahari yang telah dilantik akan membantu dan memangku jawatan Bendahari semasa ketiadaannya.
- h) Ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah ditetapkan jawatan dan tugasnya. Ahli Jawatankuasa dikehendaki menghadiri Mesyuarat Ahli Jawatankuasa KASIH dan dikehendaki memberikan bantuan dalam menguruskan Jenazah apabila berlaku sesuatu kematian.



- i) Semua Ahli Jawatankuasa dikehendaki melaksanakan tugas yang ditetapkan oleh Pengerusi dan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa dari semasa ke semasa.
- 18.2 Pemberhentian Ahli Jawatan Kuasa dengan: -
- a) Menghantar notis satu (1) bulan meletak jawatan secara bertulis kepada Pengerusi.
  - b) Berpindah keluar dari kawasan Shah Alam.
  - c) Gagal menghadiri mesyuarat tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang diterima oleh Pengerusi.
  - d) Ingkar menurut arahan Peraturan ini atau arahan Pengerusi.
- 18.3 Dengan itu, tempat Ahli Jawatankuasa itu perlu diganti tempatnya seperti berikut: -
- a) Pengerusi KASIH oleh Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan.
  - b) Bagi jawatan selain dari Pengerusi dilantik oleh Ahli Jawatankuasa KASIH.

#### **PERKARA 19 – PEMERIKSA KIRA-KIRA**

- 19.1 Dua (2) Pemeriksa Kira-Kira Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan dikehendaki memeriksa, menyemak dan mengesahkan penyata kewangan KASIH yang diterima dari Bendahari. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangani Penyata Kewangan Tahunan tersebut untuk semakan dan kelulusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa sebelum dilaporkan kepada Bendahari Surau Nurul Ihsan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa apabila diminta oleh Pengerusi untuk mengaudit Penyata Kewangan KASIH dan mengemukakan laporan mereka kepada Ahli Jawatankuasa.

#### **PERKARA 20 – MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA**

- 20.1 Mesyuarat Ahli Jawatankuasa KASIH hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali dalam setahun, atau bila-bila masa yang dirasakan perlu oleh Pengerusi.
- 20.2 Notis dan Agenda Mesyuarat Ahli Jawatankuasa hendaklah diedarkan oleh Setiausaha tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan. Walau bagaimanapun tempoh tersebut boleh dikurangkan berdasarkan keperluan.
- 20.3 Segala keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa hendaklah mendapat persetujuan secara majoriti kehadiran. Sekiranya undi adalah seri maka kata pemutus adalah atas budi bicara Pengerusi.
- 20.4 Mesyuarat dan Laporan Tahunan Biro Khairat Kematian Surau Nurul Ihsan (KASIH) akan dibentang semasa Mesyuarat Agung Tahunan Surau Nurul Ihsan.

#### **PERKARA 21 – PROSEDUR DAN URUSAN KEWANGAN**

- 21.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut, wang KASIH hanya boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berkaitan dan relevan dengan aktiviti-aktiviti KASIH, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji atau elaun, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah pemeriksa kira-kira bertauliah luar. Prosedur yang ditetapkan dalam membelanjakan kewangan KASIH adalah seperti berikut:
- a) Setiausaha atau Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai (dalam bentuk panjar wang runcit atau *petty-cash*) tidak melebihi RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) pada satu-satu masa. Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk perbelanjaan sepertimana peruntukan yang dibenarkan di dalam Peraturan ini.
  - b) Semua cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun KASIH hendaklah ditandatangani bersama oleh dua orang pegawai KASIH iaitu oleh Bendahari atau Pengerusi atau Setiausaha. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa boleh melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau

pengeluaran wang KASIH semasa ketiadaan mana-mana penandatanganan tersebut dalam jangka masa yang lama.

- c) Perbelanjaan yang melebihi RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) dalam sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kelulusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan.
- 21.2 Tahun Kewangan KASIH hendaklah bagi tempoh 1 tahun dari 1<sup>hb</sup> Januari hingga 31<sup>hb</sup> Disember.
- 21.3 Penyata Kewangan Tahunan hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa serta disemak oleh dua (2) Pemeriksa Kira-Kira Surau Nurul Ihsan dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan berkenaan.
- 21.4 Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit itu hendaklah dilaporkan kepada Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan dan dibentangkan satu (1) kali dalam setahun ketika Mesyuarat Agung Tahunan Surau Nurul Ihsan.

## **PERKARA 22 – TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

- 22.1 Sebuah peti besi yang dinamakan Tabung Khairat Kematian diletakkan di ruang solat surau. Tabung ini akan dibuka sebulan sekali oleh Bendahari dengan kehadiran minima dua orang Ahli Jawatankuasa KASIH yang lain sebagai saksi. Sumbangan yang diterima dari tabung ini boleh digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:
- a) Membiayai keseluruhan kos untuk Pengurusan Jenazah bagi Fakir dan Miskin.
  - b) Membiayai Majlis Tahlil Khusus untuk arwah Ahli dan Ahli Kariah Seksyen 6 sempena peristiwa tertentu dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa.
  - c) Saguhati Kebajikan Khusus untuk menziarah **Ahli** yang uzur tidak melebihi RM300.

## **PERKARA 23 – PENTADBIR HARTA**

- 23.1 Semua harta tidak alih milik KASIH hendaklah didaftarkan atas nama Surau Nurul Ihsan dan segala suratcara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat suratcara itu disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan KASIH pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan oleh Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan. Harta tidak alih KASIH tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung Surau Nurul Ihsan.

## **PERKARA 24 – TAFSIRAN TERHADAP PERATURAN KASIH**

- 24.1 Ahli Jawatankuasa berhak untuk memberikan tafsirannya terhadap Peraturan yang tidak jelas atau dipertikaikan maksudnya atau tidak disebut secara khusus dalam Peraturan ini. Dalam hal ini, maksud yang putuskan oleh Ahli Jawatankuasa terhadap perkara tersebut adalah muktamad. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah diputuskan dan keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan adalah diutamakan dan berkuatkuasa.

## **PERKARA 25 – PINDAAN PERATURAN KASIH**

- 25.1 Sebarang pindaan kepada Peraturan ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa dan wajib dirujuk dan diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Surau Nurul Ihsan.

|                 |                   |
|-----------------|-------------------|
| Semakan Pertama | : 11 Jun 2017     |
| Semakan Kedua   | : 01 Julai 2018   |
| Semakan Ketiga  | : 20 Febuari 2019 |
| Semakan Keempat | : 01 Oktober 2024 |
| Semakan Kelima  | : 24 Jun 2026     |

| JADUAL KEDUA            | KOS PENGURUSAN JENAZAH DAN FAEDAH AHLI KASIH |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-------------------------|----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TARIKH: 01 OKTOBER 2024 | 1                                            | Kos Pengurusan Jenazah yang dibiayai oleh KASIH: -<br><br>a) <b>Pengurusan Jenazah: RM1,045.00</b><br>➤ Urusetia RM100<br>➤ Bayaran i-Pusara RM170<br>➤ AJK Komunikasi RM75<br>➤ Ketua bilal RM100<br>➤ Pembantu-Pembantu bilal RM300<br>➤ Cuci bilik jenazah RM50<br>➤ Talqin RM75<br>➤ Solat dan Tahlil RM75<br>➤ Pemandu van RM50<br>➤ Penggali kubur RM50 |
|                         | 2                                            | <b>Kain kafan dan Peralatan Mandi dan Kafan: RM200.00</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|                         | 3                                            | <b>Sumbangan kepada Waris: RM1,000.00</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|                         | 4                                            | <b>Sumbangan kepada Ahli apabila Tanggungannya meninggal dunia: RM500.00</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                         | 5                                            | <b>Sumbangan Jamuan Tahlil di SNIS6 sahaja: RM500.00</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|                         |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|                         |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|                         |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|                         |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|                         |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |